

Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM pameran inovasi menarik

SERDANG - Bagi mengetahui lebih dekat jenis tanaman atau penyelidikan berkaitan pertanian dan inovasi, orang awam dijemput hadir memeriahkan Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 12 hingga 16 Oktober ini.

Ekspo yang diadakan sempena Masjlis Konvokesyen UPM ke-36 itu bermula dari jam 10 pagi hingga 10 malam, bertempat di Bukit Ekspo, Taman Pertanian Universiti UPM. Kemasukan adalah percuma.

Keunikan Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM ini ialah kerana pameran dan aktiviti berteraskan pertanian seperti jualan hasil pertanian serta produk hiliran di samping meraikan para graduan dan keluarga mereka sempena konvokesyen.

Ekspo selama lima hari itu menawarkan kepada pengunjung peluang memenangi hadiah melalui aktiviti yang disertai. Masih terdapat 14 lot pameran pertanian yang masih kosong terbuka untuk usahawan tani dengan menghubungi nombor telefon 03-89471399.

Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM ke-36 akan dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar yang turut melancarkan dua produk UPM iaitu beras perang cambah yang amat baik untuk kesihatan dikenali sebagai OryGOLD dan minuman kesihatan OryGOLD Drink. Mereka yang ingin mendapatkan produk istimewa ini boleh mengunjungi lokasi pameran inovasi di Bukit Ekspo UPM.



Kelestarian Bekalan Makanan
Menjamin Kesejahteraan Negara

Antara aktiviti utama yang menarik:

● Pameran Inovasi Penyelidikan

Peluang melihat secara dekat inovasi terkini kultur strawberry yang menjamin penghasilan strawberry berkualiti dalam skala besardan sayur brokoli rintang panas yang boleh ditanam di kawasan tanah pamah, pameran produk berasaskan beras perang cambah OryGoldTM dan OryGOLD DrinkTM, suplemen berasaskan herba untuk pesakit kanser, inovasi krim penyembuh luka daripada rumpai laut, baja mesra alam Bacto 10, sabun aromaterapi dari ekstrak tumbuhan herba dan pelbagai lagi produk menarik. Maklumat lanjut berkenaan inovasi UPM boleh didapati dengan menghubungi talian 03-8947 1254/ 1267.

● Pameran Ternakan

Acara lelongan kuda kacukan akan diadakan untuk penggemar kuda dengan mengisi borang bidding terlebih dahulu. Daging dan susu lembu UPM juga turut dijual selain pameran ternakan dan akuakultur seperti lembu tenusu dan pedaging, kambing, rusa, burung puyuh,

kuda dan peralatan ternakan. Selain itu terdapat aktiviti menunggang kuda mengelilingi Bukit Ekspo.

● Jualan hasil pertanian, anak benih pokok buah-buahan dan hiasan

Pelbagai hasil pertanian seperti sayuran, buah-buahan dan ulam, anak pokok buah-buahan, herba, bunga, pokok hiasan. Jualan anak pokok buah-buahan dengan harga yang murah ialah durian D24, D159, D168 dan D197, rambutan, nangka, cempedak, mangga, limau dan belimbing buhuh sementara antara jualan anak pokok herba seperti misai kucing, kacip Fatimah, mahkota dewa dan cekur.

● Pameran, pertandingan dan jualan pokok orkid

Pameran, jualan dan pertandingan pelbagai jenis orkid.

● Klinik Pertanian

Taman Pertanian Universiti juga akan mengadakan aktiviti Klinik Pakar Pertanian



SEBAHAGIAN daripada Bukit Ekspo, Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang, Selangor.

an yang menyediakan khidmat nasihat daripada pakar pertanian dan pakar veterinar UPM kepada orang ramai yang menghadapi masalah pertanian dan ternakan. Selain itu terdapat juga cara-cara membuat bonsai, 'grow beg', 'kompos basket', demo kundur, racun botanika, penanaman cendawan, cantuman pokok buahan dan pameran pemakanan sihat.

● Pameran Fakulti, Institut dan Pusat

Pameran mengenai sejarah, krusus yang ditawarkan, pelajar, graduan, aktiviti pembelajaran dan sosial, pencapaian fakulti, hasil penyelidikan dan pro-

duk yang telah dihasilkan.

7) Lain-lain aktiviti

Pelbagai aktiviti bakal dianjurkan untuk orang awam seisi keluarga dan pelajar seperti pertandingan gubahan orkid hidup, *paintball*, memancing, sukan rakyat, pertandingan melukis dan sukaneka. Program menarik seperti jejak 1 langkah IPPBM oleh Kementerian Belia dan Sukan, pemeriksaan percuma '22 Proton Car Inspection', pameran, jualan kereta dan barangan Proton, Mini 'Modified Proton Cars Auto Shows' serta pelbagai hadiah misteri. Pameran menarik seperti majalah *Campus Plus*,

pameran organisasi seperti YTL Communication, Puncak Niaga, Bank Rakyat dan Johawaki serta pameran jentera pertanian. Aktiviti lain seperti berkayak, menunggang kuda, aktiviti tali dan bersampan, klinik *fixie bike*, *flying fox*, demo produk masakan (tepung magik, keropok lekor).

● Persembahan Pentas

Orang ramai juga akan dihiburkan dengan persembahan pentas oleh artis popular dan pelajar seperti persembahan kebudayaan IMalaysia, Battle of Band Pelajar UPM dan demonstrasi padang.

Maklumat lanjut sila hubungi Jawatankuasa Pesta 03-89467301 / 89467299 atau 03-89466003.

